

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status 269 warga Rohingya yang telah ditahan sebab memasuki negara tanpa kebenaran. Kerajaan Bangladesh juga enggan menerima pulang tahanan tersebut ke negara itu. Apakah pendirian Kerajaan dalam isu ini.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Bagi tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Kerajaan telah menetapkan bahawa semua warganegara asing tidak dibenarkan untuk memasuki negara demi melindungi rakyat negara ini daripada wabak COVID-19 yang kini berstatus pandemik. Kerajaan telah menetapkan bahawa kawalan sempadan negara juga perlu dipertingkatkan untuk menghalang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke negara ini merangkumi semua sempadan negara samada di laut, darat dan udara. Justeru, golongan PATI yang berkemungkinan akan menjadi pelarian daripada negara asing juga tidak terkecuali daripada ketetapan ini.

2. Walaubagaimanapun, pada 8 Jun 2020, telah berlaku insiden kemasukan 269 orang PATI etnik Rohingya dengan menggunakan bot di sempadan negara berhampiran perairan Langkawi. Siasatan awal oleh

Agensi Keselamatan mendapati bahawa bot yang dinaiki oleh PATI etnik Rohingya ini sengaja dirosakkan, dan atas dasar kemanusiaan, tindakan penyelamatan telah dilaksanakan.

3. Kesemua 269 orang individu PATI etnik Rohingya, Myanmar ini di dalam jagaan pihak berkuasa untuk tujuan siasatan terutamanya dalam aspek membabitkan penyeludupan manusia, kesalahan memasuki negara tanpa mempunyai dokumen yang sah, elemen penglibatan jenayah terancang serta aspek – aspek keselamatan yang lain. Sepanjang tempoh tersebut, Kerajaan telah memastikan bahawa kebajikan, rawatan kesihatan, keperluan asas, makan dan minum dan sebagainya adalah terjaga.

4. Justeru, sekiranya hasil siasatan juga mendapati bahawa PATI etnik Rohingya tersebut memerlukan perlindungan antarabangsa berdasarkan kepada prinsip *non-refoulement* yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dan pengecualian yang diberikan kepada warga asing yang mungkin memerlukan perlindungan antarabangsa oleh pihak UNHCR, atas dasar kemanusiaan, golongan ini mungkin tidak diusir dan dibenarkan untuk berada secara sementara di dalam negara sehingga mereka ini ditempatkan ke negara ketiga yang lain atau pulang ke negara asal apabila krisis di wilayah Rakhine, Myanmar mulai reda.

5. Malaysia akan tetap dengan pendirian untuk menyeru supaya Negara-Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Pelarian 1967 untuk dapat melaksanakan hak dan tanggungjawab memberikan perlindungan kepada pelarian tanpa mengira asal usul, etnik, agama dan sebagainya. Penyelesaian kepada isu pelarian ini perlu ditumpukan kepada punca berlakunya krisis pelarian tersebut. Sekiranya semua Negara Ahli dapat memainkan hak dan tanggungjawabnya, isu pelarian ini akan dapat ditangani bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

SOALAN NO. 451

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kematian akibat komplikasi **kerosakan hati** di Malaysia mengikut kaum, jantina, umur dan negeri di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerosakan hati boleh disebabkan oleh beberapa faktor seperti jangkitan virus seperti Hepatitis B dan C; serta mengambil bahan-bahan yang boleh mengganggu fungsi hati seperti pengambilan alkohol berlebihan dan ubatan terlarang. Kerosakan pada hati boleh menyebabkan sel-sel hati bertukar menjadi tisu fibrous dan meninggalkan parut yang mana apabila lebih 75% kerosakan hati berlaku, kegagalan fungsi hati boleh berlaku dan boleh menyebabkan kematian.

2. Berdasarkan statistik kematian akibat komplikasi kerosakan hati, terdapat 9,891 kes Hepatitis B dilaporkan di antara tahun 2018 hingga 2019 yang mana daripada jumlah tersebut, hanya 1.8% atau 180 kes kematian dilaporkan. Kematian tertinggi direkodkan adalah di negeri Selangor dengan 53 (29.4%) kematian diikuti dengan negeri Sabah dengan 35 (19.4%) kematian dan negeri Sarawak dengan 23 (12.8%) kematian.

SOALAN NO. 451

3. Bagi statistik mengikut jantina, kematian di kalangan lelaki adalah lebih tinggi, iaitu 141 (78.3%) kematian berbanding dengan perempuan, iaitu 39 (21.7%) kematian. Perbandingan mengikut etnik menunjukkan Melayu merekodkan kematian tertinggi iaitu 86 (47.8%) kematian, diikuti etnik Cina sebanyak 37 (20.5%) kematian, etnik India sebanyak 5 (2.8%) kematian, dan lain-lain etnik sebanyak 52 (28.9%) kematian. Sekian, terima kasih.